



جاتن کحاکیمن شرعیة مليسیا

DEPARTMENT OF SYARIAH JUDICIARY MALAYSIA

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

TEL: 03-888 64800

FAKS: 03-888 91627

Y.A.A Ketua -Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah
Negeri-negeri

Arahan Amalan No. 11 Tahun 2007

Penghantaran Secara *On-Line*

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil. 1 Tahun 2007 pada 28hb. hingga 30 Rabiulawwal, 1428H bersamaan 16hb. hingga 18hb. April 2007 di Melaka dan pengesahan Mesyuarat Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri Seluruh Malaysia Kali Ke 42 pada 25 Jamadilawwal, 1428H bersamaan 11 Jun, 2007M telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung dengan penyampaian secara *on-line* dokumen-dokumen Mahkamah antaranya seperti affidavit penyampaian, wakalah Peguam Syarie, Notis Bicara/Tangguhan dan lain-lain selain daripada dokumen Mahkamah yang memerlukan meterai dan salinan asal semasa penyampaiannya, hendaklah berkuatkuasa penyampaiannya serta-merta.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 15 Jun 2007.

(Datuk Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
PUTRAJAYA